

**Yang di-Pertuan Agong Adakan Lawatan Negara Ke Brunei
Bernama
09 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Yang di- Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah akan mengadakan lawatan negara selama tiga hari ke Brunei Darussalam bermula Rabu hingga Jumaat ini.

Kementerian Luar dalam satu kenyataan berkata lawatan itu merupakan yang pertama oleh Seri Paduka setelah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV pada 11 April lepas.

Seri Paduka akan diiringi Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin sebagai Menteri Pengiring serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Luar, Istana Negara dan Jabatan Perdana Menteri.

"Lawatan Negara ini melambangkan hubungan akrab dan istimewa antara Malaysia dan Brunei Darussalam," kata kenyataan itu.

Program Lawatan Negara itu termasuk Majlis Menghadap Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah, Majlis Santapan Negara meraikan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong serta lawatan ke Bangunan Alat Kebesaran Diraja dan Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong juga dijadual bertemu komuniti Malaysia di Brunei.

Seri Paduka berdua dijadual berangkat pulang ke tanah air Jumaat ini.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664681>